

14 FEB 2003

NUTP-Rombakan

ROMBAKAN SISTEM SEKOLAH KEBANGSAAN SATU TINDAKAN BIJAK, KATA NUTP

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata langkah kerajaan merombak sistem sekolah kebangsaan supaya menjadi lebih menarik kepada semua kaum merupakan tindakan bijak dan kena pada masanya.

Setiausaha agungnya Datuk N. Siva Subramaniam berkata beliau yakin melalui rombakan itu, lebih banyak ibu bapa masyarakat Cina dan India akan menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

"Rombakan kurikulum ini penting dan jika ia memenuhi hasrat ibu bapa, mereka tentunya akan memilih sekolah kebangsaan untuk anak-anak mereka," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Selain bahasa Inggeris, beliau menyarankan supaya sekolah kebangsaan menyediakan mata pelajaran Cina dan Tamil untuk menarik bangsa lain selain Melayu dan memastikan guru-guru dan guru besar komited dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai rombakan itu di sini semalam ketika menyampaikan taklimat kepada pemimpin 165 bahagian Umno.

Beliau berkata antara lainnya kerajaan tidak mahu masyarakat Cina dan India menolak sekolah kebangsaan dan menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan kerana memikirkan sekolah kebangsaan hanyalah untuk orang Melayu dan ia memberi penekanan kepada agama Islam.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak ingin melihat orang Melayu memilih sekolah agama rakyat untuk anak-anak mereka kerana menganggap pendidikan agama di sekolah kebangsaan tidak mencukupi.

Siva Subramaniam berkata sekolah kebangsaan sepatutnya memainkan peranan menyatukan kaum bagi mencerminkan apa yang terdapat di luar pagar sekolah iaitu kewujudan masyarakat majmuk yang hidup saling membantu.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI